

Denda lebih berat ke atas orang yang biayai kegiatan pengganasan

DENDA lebih berat akan dikenakan ke atas orang yang membantu pengganasan dengan membiayai mereka atau kegiatan mereka.

Orang yang membiayai pengganasan atau kegiatan pengganasan kini boleh didenda sehingga \$500,000, sementara entiti yang melakukan demikian boleh didenda sehingga \$1 juta, di bawah Akta Pengganasan (Penyekatan Pembiayaan) yang baru dipinda atau dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun, atau keduadua hukuman.

Ini selepas Parlimen semalam meluluskan rang undang-undang pindaan akta itu, yang bertujuan menyekat pembiayaan sedemikian.

Sebelum ini, orang yang

melakukan kesalahan itu boleh dikenakan denda sehingga \$100,000 atau penjara sehingga 10 tahun, atau keduadua hukuman.

Selain itu, di bawah akta yang dipinda, mendedahkan maklumat yang boleh menaruh prasangka terhadap siasatan bagi kesalahan pembiayaan pengganasan kini merupakan satu kesalahan.

Contohnya, ini boleh berlaku apabila seseorang memberi maklumat kepada orang lain tentang siasatan itu.

Selain itu, identiti mereka yang memberi maklumat akan dilindungi semasa prosiding guaman.

Mereka yang mempunyai maklumat mengenai urus niaga berkaitan harta benda pengganasan atau kegiatan pembiayaan pengganasan pula harus memberitahu polis maklumat tersebut.

Menteri Kedua Ehwal Dalam Negeri yang juga Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik S. Iswaran, berkata pindaan tersebut akan merangsang usaha membanteras pengganasan dengan mengukuhkan cara memerangi pembiayaan pengganasan serta menyokong usaha pemulihan pengganasan.

Antara Anggota Parlimen yang menyertai pembahasan semasa bacaan kedua rang itu semalam ialah Encik Hri Kumar Nair (GRC Bishan-Toa Payoh), Encik Arthur Fong (GRC West Coast) dan Cik Sylvia Lim (GRC Aljunied).

Beberapa Anggota Parlimen Diantik (NMP), termasuk Profesor Madya Eugene Tan dan Encik R. Dhinakaran, turut menyertai pembahasan itu.